

SURAT PEKELILING DALAMAN ICT

DARIPADA : Pengarah, Jabatan Agama Islam Sarawak

KEPADA : Penolong Setiausaha MIS;
Semua Ketua Penolong Pengarah, JAIS; dan
Semua Pegawai Agama Islam Bahagian, JAIS.

PERKARA : **DASAR KESELAMATAN ICT NEGERI SARAWAK**

RUJ. KAMI : **JAIS/1012/ICT-1G [07]** **TARIKH :** **4 Mei 2011**

Merujuk kepada perkara di atas bersama surat ini disertakan Surat Pekeliling ICT NO. 1/2011 berkenaan **DASAR KESELAMATAN ICT NEGERI SARAWAK (DKICT)** yang ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak untuk rujukan pihak tuan.

2. Bagi mematuhi pekeliling dan dasar tersebut pihak tuan dikehendaki mengambil tindakan-tindakan berikut :-

- i. Memuat turun **DASAR KESELAMATAN ICT NEGERI SARAWAK** dari laman web Unit ICT www.ictu.sarawak.gov.my, portal sarawaknet melalui icon "State ICT Security Portal" atau di laman web JAIS www.jais.sarawak.gov.my dan mencetak satu (1) salinan DKICT untuk rujukan umum di pejabat masing-masing.
- ii. Semua kakitangan Jabatan Agama Islam Sarawak termasuklah semua kakitangan MIS dan Kakitangan Persekutuan yang berada di Jabatan Agama Islam Sarawak hendaklah membaca, memahami dan mengaplikasi semua perkara yang termaktub di dasar tersebut.
- iii. Semua kakitangan (seperti dimaklumkan dalam perkara ii) hendaklah menandatangani Surat Akuan Pematuhan DKICT yang boleh diperolehi dalam Lampiran A di dalam dokumen DKCIT dan hendaklah diserahkan kepada Ustaz Suhardi Bin Bujang, Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) JAIS dalam tempoh masa dua (2) bulan daripada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, harap maklum

"KE ARAH PEMBENTUKAN KHAIRUL UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(ABANG SHAMSHUDIN BIN ABANG SERUJI)
Pengarah
Jabatan Agama Islam Sarawak